

Headline	UniMAP johan Sayembara Puisi 2013		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	22	ArticleSize	330 cm ²
AdValue	RM 6,522	PR Value	RM 19,567



AMIRAH mewakili Unimap selaku tuan rumah berjaya bergelar juara serta memenangi persembahan terbaik.

UniMAP johan Sayembara Puisi 2013

PENUNTUT Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Amirah Syahida Che Mansor telah dinobatkan sebagai johan Sayembara Puisi 2013 sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013, baru-baru ini.

Mahasiswa jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses itu berjaya menewaskan 14 peserta lain dengan mendeklamasikan puisi bertajuk 'Jawi Warisan Leluhur', karya Datuk Dr. Awang Sariyan.

Kemenangan itu membolehkan Amirah membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM400, trofi serta sijil penghargaan. Lebih manis lagi, Amirah turut membawa pulang wang tunai berjumlah RM100, trofi dan sijil penghargaan apabila turut memenangi kategori persembahan terbaik.

Tempat kedua diraih oleh Mohd Nazif Badruddin dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan tempat ketiga menjadi milik Nur Faizatul Azna Mohamad Fauzi dari UniMAP. Masing-masing penuntut tersebut membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM300 dan RM200, trofi serta sijil penghargaan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof.

Madya Dr. Mohd Foad' Sakdan, pihaknya sentiasa menyokong penganjuran program-program yang dapat memartabatkan bahasa kebangsaan.

"Walaupun Malaysia sedang mengorak langkah ke arah menjadi negara maju, kita tidak seharusnya mengabaikan peninggalan warisan nenek moyang yang menjadi khazanah budaya ini.

"Saya berharap pada masa akan datang, kerjasama seperti ini iaitu antara UniMAP dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan berterusan.

"Ini kerana program tersebut mampu menjadi wadah perjuangan dalam menegakkan kesusasteraan yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini, sekali gus mempamerkan jati diri bangsa dan negara kita," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pegawai Perancang Bahasa DBP, Khairul Anum Mohd. Ali yang mewakili Pengarah DBP Wilayah Utara dan Pengarah Pusat Bahasa Antarabangsa UniMAP.

Sayembara Puisi 2013 merupakan program anjuran bersama UniMAP dan DBP. Ia dijayakan 15 peserta dari tiga institusi pengajian tinggi di utara tanah air iaitu UniMAP selaku tuan rumah, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej Komuniti, Arau. - AZRIN/AIDA OTHMAN